



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem ePerolehan bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Kaedah Perolehan
JPA(SII)04/2019 / QT190000000034318 <b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEREKABENTUK VIDEO KORPORAT JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2019</b>	221302, 221303, 221304 dan 222001	<b>21 Februari 2019 (Khamis), jam 12.00 tengah hari.</b>  <b>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan</b>	<b>Secara Perolehan</b>

2. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **13 Februari 2019 (Rabu)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **21 Februari 2019 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**.
4. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada penyebutharga dan **penyebutharga DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebutharga **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 18 Februari 2019 (Isnin)**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,**  
**Aras 9, Blok C1, Kompleks C,**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**62510 Putrajaya**

5. Tawaran Penyebutharga yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan seperti mana arahan penyebutharga tidak akan dipertimbangkan.
6. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Encik Muzammil Bin Zolkarnain	-	03-8885 3710
Puan Intan Nadia bin Ramli	-	03-8885 3832
Puan Nadiah binti Ahmad (Urus Setia)	-	03-8885 3236